



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PELESTARIAN BAHASA SUKU KAUM JAHUT  
DARI ASPEK FONOLOGI DAN LEKSIKAL***

**NUR FAAIZAH BINTI MD ADAM**

**FBMK 2014 57**



**PELESTARIAN BAHASA SUKU KAUM JAHUT  
DARI ASPEK FONOLOGI DAN LEKSIKAL**

**Oleh**  
**NUR FAAIZAH BINTI MD ADAM**

**Tesis Ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah  
Master Sastera**

**Disember 2014**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta© Universiti Putra Malaysia





Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**PELESTARIAN BAHASA SUKU KAUM JAHUT DARI ASPEK FONOLOGI  
DAN LEKSIKAL**

Oleh

**NUR FAAIZAH BINTI MD ADAM**

**Disember 2014**

**Pengerusi: Mohd Sharifudin Bin Yusop, PhD**

**Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi**

Suku kaum Jahut tergolong dalam suku masyarakat orang Asli Senoi. Kelompok Senoi merupakan kelompok orang Asli yang terbesar, diikuti oleh kelompok Melayu-Proto dan kelompok Negrito. Sejumlah 4 717 orang terdapat di Pahang, khususnya di daerah Temerloh. Sebilangan kecil terdapat di Perak dan Selangor. Kajian ini dilakukan kerana bilangan penutur Jahut yang kecil ini menimbulkan keimbangan daripada sudut bahasa memandangkan wujudnya proses dominasi bahasa utama, khususnya bahasa Melayu. Jika usaha pendokumentasian dan pelestarian ini tidak dilakukan dengan segera berkemungkinan bahasa ini akan pupus seterusnya memusnahkankan budaya masyarakat Jahut. Kajian ini memberi tumpuan terhadap aspek bahasa Jahut yang dituturkan di Kampung Pian, Kuala Krau Pahang. Informan terdiri daripada penutur natif suku kaum masing-masing. Objektif utama bagi kajian ini ialah menghuraikan aspek fonologi dan leksikal bahasa suku kaum Jahut manakala objektif kedua ialah menjelaskan kelestarian bahasa Jahut dalam komunikasi. Objektif ketiga pula menilai status bahasa Jahut berdasarkan sikap penggunanya. Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori tipologi keterancaman bahasa. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif untuk menganalisis data yang diperoleh melalui teknik pemerhatian, teknik rakaman, teknik temu bual, soal selidik, teknik bercerita dan teknik lafaz. Seramai 80 orang responden daripada orang asli Jahut telah dipilih untuk mengumpul data berkenaan sikap dan pemilihan bahasa Jahut. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa bahasa Jahut di Kampung Pian, Kuala Krau Pahang ini tidak akan pupus dalam waktu terdekat. Pemilihan bahasa melalui mandala kekeluargaan dan kemasyarakatan menunjukkan masyarakat Jahut masih melestarikan bahasa ibunda mereka dengan baik. Golongan tua dan dewasa dilihat masih lagi boleh bertahan dan mewariskan bahasa ibunda mereka kepada golongan muda. Hasil pemerhatian juga menunjukkan bahawa golongan muda tidak berasa malu bertutur dalam bahasa ibunda mereka. Semua kelompok umur juga telah menunjukkan sikap yang positif terhadap bahasa ibunda mereka dan menggunakan bahasa ibunda dalam kehidupan harian mereka. Sikap positif terhadap bahasa ibunda menyebabkan mereka berasa bangga menjadi orang Jahut dan tidak berasa rendah diri apabila bertutur dalam bahasa Jahut.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfilment  
of the requirement of the Master of Art

**MAINTENANCE LANGUAGE OF JAHUT TRIBES FROM THE  
PHONOLOGY ASPECT AND LEXICAL**

By

**NUR FAAIZAH BINTI MD ADAM**

**December 2014**

**Chairman: Mohd Sharifudin Yusop, PhD**

**Faculty: Modern Language and Communication**

Jahut tribes belong to the Senoi tribe indigenous communities. Senoi group is the largest group of natural persons, followed by clusters of Melayu-Proto and Negrito groups. A total of 4717 people found in Pahang, particularly in the district of Temerloh. A small number also can found in Perak and Selangor. This study was done because a small number of speakers Jahut raised fears of a language point of view of the dominance of particular language Malay. If efforts documentation and maintenance is not done immediately, this language will likely fade next extinct culture Jahut. This study focuses on aspects of Jahut language spoken in the village of Pian, in Kuala Krau, Pahang. The respondent was taken from native speakers of the respective tribes. The main objective of this research is to describe the phonological and lexical aspects of language tribe Jahut while the second objective is to explain the preservation of Jahut language in communication. The third objective was to assess the status of Jahut language based on user attitudes. The theory that used in this study is the language threatening typology theory. The researcher used a qualitative and quantitative approach to analyse the data obtained through literature and field studies which involving observation techniques, recording techniques, interview techniques, tricks, questionnaire, storytelling and narration techniques. Eighty respondents from indigenous Jahut was selected to gather the data on the attitudes and Jahut language selection. The findings found that, the usage of Jahut language in Kampung Pian Jahut Kuala Krau, Pahang will not become extinct in the near future. The language selection through family mandala and community mandala show Jahut people still preserve their native language well. Adults and elderly seen still survive and pass on their native language to young people. The observation also shows young people do not feel shy to speak in their native language. All age groups have shown a positive attitude towards their native language and used it in their daily lives. Positive attitude toward the native language makes them feel proud to be the Jahut and not feel inferior when speaking Jahut language.

## **PENGHARGAAN**

Alhamdullillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana izin dan restu-Nya saya dapat menyiapkan tesis ini untuk memperoleh Ijazah Sarjana di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr Mohd Sharifudin Yusop selaku Pengerusi Penyeliaan Tesis yang telah meluangkan masa dengan penuh kesabaran untuk memberikan bimbingan dengan penuh dedikasi dan nasihat yang baik dan bernas, menyumbang idea yang pelbagai dan meluas, menjana buah fikiran yang kreatif dan memberi kritikan yang kritis serta menjadi perangsang dan penyokong moral sehingga siapnya penulisan tesis ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Prof Madya Dr Raja Masittah Raja Ariffin selaku Jawatankuasa Penyeliaan Tesis yang sentiasa memberi sokongan dan bimbingan sepanjang penulisan tesis ini dijalankan.

Ucapan ribuan terima kasih juga saya kepada Tok Batin orang Asli Jahut iaitu Batin Mohamad Bin Kuang, Encik Tarak Bin Batin Deok sebagai pengiring dan penduduk kampung Pian, Kuala Krau Pahang yang telah memberikan kerjasama yang baik sewaktu proses pengutipan data dan soal selidik dijalankan. Penghargaan terima kasih juga ditujukan kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Perpustakaan Orang Asli Gombak, Muzium Orang Asli Gombak, Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih buat bonda Azizah Binti Nordin dan Md Adam Bin Abu Bakar yang telah banyak berkorban dan sentiasa memberikan sokongan dan berdoa untuk kejayaan saya. Tidak dilupakan juga kepada adik beradik yang sentiasa memberi semangat, pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang tidak jemu-jemu menyampaikan ilmu, rakan seperjuangan dan kepada semua yang pernah membantu saya. Harapan saya semoga tesis ini dapat memberi manfaat dan faedah kepada kita semua.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjuma pada \_\_\_\_\_ untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nur Faaizah Binti Md Adam bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Bahasa Suku Kaum Jahut dari Aspek Fonologi dan Leksikal di Pahang" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A)106] \_\_\_\_\_. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahasa calon ini layak dianugerahi Ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Zaitu Azma binti Zainon Hamzah, PhD**

Professor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Che Ibrahim bin Salleh, PhD**

Professor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

**Muhammad Saiful Haq bin Hussin, PhD**

Professor Madya

Jabatan Bahasa Melayu

Akademi Pengajian Melayu

Universiti Malaya

(Pemeriksa Luar)

---

**(NORITAH OMAR ,PhD)**

Profesor Madya dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai mematuhi syarat keperluan untuk Ijazah Sarjana. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Mohd Sharifudin Yusop, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Raja Masittah Raja Ariffin, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli Jawatankuasa)

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbas dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan:\_\_\_\_\_

Tarikh:\_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Nur Faaizah Binti Md Adam, GS30215

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: \_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: \_\_\_\_\_



## ISI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRAK</b>	ii
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>PENGESAHAN</b>	v
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvi
<b>SENARAI SIMBOL</b>	xvii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xviii

### BAB

<b>1 PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Sejarah Masyarakat Orang Asli di Malaysia	5
1.1.2 Suku Bangsa Senoi	7
1.2 Pernyataan Masalah	8
1.3 Objektif Kajian	9
1.4 Kepentingan Kajian	9
1.5 Batasan Kajian	10
1.6 Definisi Operasional	10
1.6.1 Pelestarian Bahasa	10
1.6.2 Orang Asli Jahut	11
1.6.3 Fonologi	15
1.6.4 Leksikal	16
<b>2 SOROTAN KAJIAN</b>	18
2.1 Pengenalan	18
2.2 Kajian Kebahasaan Yang Berkaitan	18
2.3 Kajian Bahasa Kebahasaan oleh Pengkaji Luar	20
2.4 Kajian Bahasa Berdasarkan Aspek Fonologi	25
2.5 Kajian Bahasa Berdasarkan Aspek Leksikal	27
2.6 Kesimpulan	28
<b>3 METODOLOGI</b>	29
3.1 Pengenalan	29
3.2 Reka Bentuk Kajian	29
3.2.1 Pendekatan Etnografi	29
3.2.2 Tipologi Keterancaman Bahasa	31
3.3 Kaedah Pengumpulan Data	34
3.3.1 Kaedah Temu bual	34
3.3.2 Kaedah Pemerhatian	36
3.3.3 Kaedah Soal Selidik	36
3.3.4 Kaedah Lafaz	37
3.3.5 Kaedah Bercerita	37
3.3.6 Kaedah Rakaman	37
3.3.7 Kaedah Kepustakaan	38

3.3.8	Penganalisisan Data	38
3.4	Kerangka Konsepsi	39
3.5	Kesimpulan	40
<b>4</b>	<b>ANALISIS DAN PERBINCANGAN</b>	<b>41</b>
4.1	Analisis Linguistik Bahasa Jahut	41
4.2	Aspek Fonologi Bahasa Jahut	41
4.2.1	Diftong Bahasa Jahut	42
4.2.2	Rangkap Vokal Bahasa Jahut	43
4.2.3	Fonem Konsonan Bahasa Jahut	43
4.2.4	Konsonan Plosif	44
4.2.5	Plosif Bersuara	44
4.2.6	Plosif Tak Bersuara	44
4.2.7	Konsonan Nasal	45
4.2.8	Konsonan Frikatif	45
4.2.9	Konsonan Afrikat	46
4.2.10	Konsonan Lateral	46
4.2.11	Konsonan Separuh Vokal	46
4.3	Aspek Leksikal Bahasa Jahut	46
4.3.1	Panggilan dalam Kekeluargaan dan Kata Sapaan	47
4.3.2	Anggota Badan	49
4.3.3	Pakaian dan Perhiasan	50
4.3.4	Tumbuh-Tumbuhan	51
4.3.5	Binatang	52
4.3.6	Peralatan dan Bahagian Rumah	54
4.3.7	Cuaca	55
4.4	Data dan Analisis Latar Belakang Responden	56
4.4.1	Jantina	57
4.4.2	Kumpulan Umur	58
4.4.3	Tempat Kelahiran	59
4.4.4	Keturunan Ibu bapa	59
4.4.5	Pendidikan	60
4.4.6	Pekerjaan	60
4.4.7	Status Perkahwinan	61
4.4.8	Kebolehan Berbahasa	61
4.5	Data dan Analisis Kelestarian Bahasa Jahut dalam Komunikasi	63
4.6	Pemilihan Bahasa Jahut dalam Mandala Kekeluargaan	63
4.6.1	Perbualan dengan Ibu	63
4.6.2	Perbualan dengan Bapa	64
4.6.3	Perbualan dengan Adik Beradik	64
4.6.4	Perbualan dengan Datuk Dan Nenek	65
4.6.5	Perbualan dengan Saudara Mara	65
4.7	Pemilihan Bahasa Jahut dalam Mandala Kemasyarakatan	66
4.7.1	Perbualan dengan Kawan-Kawan	66
4.7.2	Perbualan dengan Jiran	66
4.7.3	Perbualan dengan Masyarakat Luar	67
4.8	Perbualan dalam Pelbagai Situasi	67
4.8.1	Pemilihan Bahasa Ketika Bertegur Sapa	68
4.8.2	Pemilihan Bahasa Ketika Berjual Beli	68
4.8.3	Pemilihan Bahasa Ketika Bermain	69

4.8.4	Pemilihan Bahasa Ketika Berada di Majlis Adat	70
4.8.5	Pemilihan Bahasa Ketika Menyanyi	70
4.8.6	Pemilihan Bahasa Ketika Mengira	71
4.8.7	Pemilihan Bahasa Ketika Berjenaka	72
4.8.8	Pemilihan Bahasa Ketika Memarahi Seseorang	72
4.8.9	Pemilihan Bahasa Ketika Menyatakan Perasaan Sayang	73
4.8.10	Pemilihan Bahasa Ketika Berfikir	74
4.8.11	Pemilihan Bahasa Ketika Berbincang Secara Serius	74
4.9	Data dan Analisis Status Bahasa Jahut Berdasarkan Sikap Penggunanya	75
4.10	Sikap Penutur terhadap Bahasa Jahut	75
4.10.1	Perasaan Orang Jahut terhadap Bahasa Jahut	76
4.10.2	Penilaian Tentang Pembelajaran Bahasa Jahut	76
4.10.3	Keperluan Bahasa Jahut Kalangan Anggota Penduduk	77
4.10.4	Keperluan Bahasa Jahut Kalangan Anggota Keluarga	77
4.10.5	Keperluan Kanak-Kanak Jahut Belajar Bahasa Jahut	78
4.10.6	Keperluan Orang Dewasa Jahut Belajar Bahasa Jahut	79
4.10.7	Keperluan Bahasa Jahut Diajarkan di Sekolah	79
4.10.8	Keperluan Bahasa Jahut dalam Adat Dan Agama	80
4.10.9	Keperluan Orang Lain Mengetahui Bahasa Jahut	80
4.10.10	Ramalam Masa Depan Bahasa Jahut	81
4.10.11	Kaitan Bahasa Jahut dengan Identiti Orang Jahut	81
4.10.12	Pengetahuan Asal Usul Bahasa Jahut	82
4.10.13	Komuniti Bahasa Jahut di Tempat Lain	83
4.10.14	Identifikasi Diri	83
4.10.15	Pengetahuan Cara Melestari Bahasa Jahut	84
4.11	Rasional Teori	84
4.12	Implikasi Kajian	85
4.13	Kesimpulan	85
<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	86
5.1	Pengenalan	86
5.2	Fonologi dan Leksikal Bahasa Jahut	86
5.3	Pelestarian Bahasa	87
5.4	Sikap Bahasa	88
5.5	Cadangan	89
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	90
5.7	Rumusan	90
<b>RUJUKAN</b>		92
<b>LAMPIRAN</b>		99
A	Jadual Bertema Jahut	99
B	Daftar Kata Bahasa Melayu-Bahasa Jahut	106
C	Senarai Swadesh	140
D	Borang Soal Selidik	145
E	Soalan Temu Bual	149
F	Nama Informan Jahut	150
G	Nama Responden Jahut	150
H	Surat Kebenaran Penyelidikan	152



## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Muka surat</b>
1.1 Kategori Rumpun Bahasa dan Suku Kaum Orang Asli Jahut	12
1.2 Jumlah Penduduk Orang Asli Mengikut Suku Kaum Tahun 2012	13
3.1 Kerangka Tipologi Bahasa Minority Edward (1992)	32
3.2 Model Teoritikal Bahasa Sasse (1992)	33
4.2 Kehadiran Fonem Vokal Bahasa Jahut	42
4.3 Kehadiran Diftong Bahasa Jahut	43
4.4 Kehadiran Rangkap Bahasa Jahut	43
4.5 Kedudukan Fonem Konsonan Bahasa Jahut	44
4.6 Kehadiran Plosif Bersuara	44
4.7 Kehadiran Plosif Tak Bersuara	45
4.8 Kahadiran Konsonan Nasal	45
4.9 Kehadiran Konsonan Frikatif	45
4.10 Kehadiran Konsonan Afrikat	46
4.11 Kehadiran Konsonan Lateral	46
4.12 Kehadiran Kehadiran Konsonan Separuh Vokal	46
4.13 Pembetulan Kamus Daftar Kata Bahasa Melayu dan Bahasa Jahut	47
4.14 Leksikal Panggilan Dalam Keluarga dan Kata Sapaan	48
4.15 Leksikal Bahagian Anggota Badan	49
4.16 Leksikal Pakaian dan Hiasan	50
4.17 Leksikal Tumbuhan dan Hutan	51
4.18 Leksikal Binatang	52
4.19 Leksikal Peralatan dan Bahagian Rumah	54
4.20 Leksikal Cuaca	55
4.21 Data Latar Belakang Responden Orang Asli Jahut	56
4.22 Taburan Jantina Responden Orang Asli Jahut	57

4.23 Taburan Kumpulan Umur Responden Orang Asli Jahut	58
4.24 Taburan Tempat Kelahiran Responden Orang Asli Jahut	59
4.25 Taburan Keturunan Ibu Bapa Responden Orang Asli Jahut	59
4.26 Taraf Pendidikan Responden Orang Asli Jahut	60
4.27 Taburan Pekerjaan Responden Orang Asli Jahut	60
4.28 Status Perkahwinan Responden Orang Asli Jahut	61
4.29 Perbualan Responden Kampung Pian dengan Ibu	63
4.30 Perbualan Responden Kampung Pian dengan Bapa	64
4.31 Perbualan Responden Kampung Pian dengan Adik Beradik	64
4.32 Perbualan Responden Kampung Pian dengan Datuk dan Nenek	65
4.33 Perbualan Responden Kampung Pian dengan Saudara Mara	65
4.34 Perbualan Responden Kampung Pian dengan Kawan-Kawan	66
4.35 Perbualan Responden Kampung Pian dengan Jiran	66
4.36 Perbualan Responden Kampung Pian dengan Masyarakat Luar	67
4.37 Pemilihan Bahasa Responden Kampung Pian Ketika Bertegur Sapa	68
4.38 Pemilihan Bahasa Responden Kampung Pian Ketika Berjual Beli	68
4.39 Pemilihan Bahasa Responden Kampung Pian Ketika Bermain	69
4.40 Pemilihan Bahasa Responden Kampung Pian Ketika Berada di Majlis Adat	
	70
4.41 Pemilihan Bahasa Responden Kampung Pian Ketika Menyanyi	70
4.42 Pemilihan Bahasa Responden Kampung Pian Ketika Mengira	71
4.43 Perbezaan Angka dan Bilangan Antara BM dan BJ	71
5.44 Pemilihan Bahasa Responden Kampung Pian Ketika Berjenaka	72
4.45 Pemilihan Bahasa Ketika Memarahi Seseorang	72
4.46 Pemilihan Bahasa Responden KP Ketika Menyatakan Perasaan Sayang	73
4.47 Pemilihan Bahasa Responden Kampung Pian Ketika Berfikir	74

4.48 Pemilihan Bahasa Responden Kampung Jahut Ketika Berbincang Secara Serius	74
4.49 Perasaan Terhadap Bahasa Jahut	76
4.50 Penilaian Pembelajaran Bahasa Jahut	76
4.51 Keperluan Bahasa dalam Kalangan Penduduk Kampung	77
4.52 Keperluan Bahasa Jahut dalam Kalangan Anggota Keluarga	77
4.53 Keperluan Kanak-Kanak Belajar Bahasa Jahut	78
4.54 Keperluan Orang Dewasa Belajar Bahasa Jahut	79
4.55 Keperluan Bahasa Jahut Diajarkan di Sekolah	79
4.56 Keperluan Bahasa Jahut dalam Adat Dan Agama	80
4.57 Keperluan Orang Lain Mengetahui Bahasa Jahut	80
4.58 Penggunaan Bahasa Jahut pada Masa Hadapan	81
4.59 Kaitan Identiti dengan Bahasa Jahut	82
4.60 Pengetahuan tentang Asal Usul Bahasa Jahut	82
4.61 Komuniti Bahasa Jahut di Tempat Lain	83
4.62 Identifikasi Diri	83
4.63 Cara Melestarikan Bahasa Jahut	84

## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>	<b>Muka surat</b>
3.1 Kerangka Konsepsi Kajian	39
4.1 Kedudukan Vokal Bahasa Jahut	41



## SENARAI SIMBOL




Seterusnya



## **SENARAI SINGKATAN**

BJ	Bahasa Jahut
BM	Bahasa Melayu
KP	Kampung Pian
OAJ	Orang Asli Jahut



## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Bahasa merupakan cerminan jati diri dan lakaran tamadun sesuatu bangsa. Bahasa memainkan peranan yang penting sebagai alat yang digunakan oleh sesebuah komuniti masyarakat untuk berkomunikasi sesama mereka bagi tujuan menyampaikan dan menerima maklumat. Tanpa bahasa yang merupakan medium utama dalam proses komunikasi sesebuah masyarakat akan mengalami kesukaran untuk berhubung antara satu dengan yang lain.

Menurut Zulkifley Ahmad (2007), bahasa merupakan alat yang digunakan oleh sesebuah komuniti sesama mereka untuk menyampaikan dan menerima maklumat. Justeru, akal budi dan pemikiran sesuatu bangsa dapat dilihat melalui bahasa yang dituturkan oleh mereka. Tanpa bahasa juga sesebuah masyarakat tidak dapat berkomunikasi sesama mereka. Perkembangan globalisasi menjadikan bahasa perlu bersaing dan senada mengikut arus yang sama tetapi perlu mengekalkan keaslian dan ketulenan. Dalam masyarakat yang multibahasa, persaingan bahasa merupakan fenomena biasa dalam hubungan sosial.

Dalam mengukuhkan aspek kelestarian dan penggunaan bahasa sebagai nilai identiti masyarakat ini, Mohd Sharifudin Yusop (2007), mengatakan bahawa kekebalan jati diri manusia yang sentiasa berhadapan dengan ancaman dan perubahan ialah bahasa. Ungkapan bahasa menunjukkan bangsa terpakai untuk semua masyarakat, selagi bahasa berperanan sebagai medium perhubungan yang mutlak.

Pengkaji Barat seperti Weinreich (1986) dan Giglioli (1990), menjelaskan persaingan yang terjadi antara bahasa peribumi, bahasa kebangsaan dan bahasa asing menjadi kekhawatiran punahnya sesuatu bahasa bukan sesuatu yang berbentuk andaian atau anggapan. Oleh itu, dengan analisis bahasa bagi suku kaum orang Asli ini dapat mengelakkan sesuatu bahasa itu daripada hilang dalam arus pemodenan ini dan terus menjadi panduan dan rujukan kepada pembaca, seterusnya dapat mengetahui cerminan minda dan kebudayaan sesuatu suku kaum dalam masyarakat orang Asli.

Menurut Zainal Abidin bin Masleh (2011), bahasa hidup kerana hidupnya manusia dan matinya bahasa juga kerana matinya manusia. Penyataan ini membuktikan manusialah yang mewujudkan bahasa agar terus bertahan di muka bumi ini. Tanpa manusia sebagai penutur bahasa akan diancam kepupusan dan kematian. Oleh itu, perbincangan dan pengkajian oleh para sarjana terhadap bahasa minoriti perlu dilakukan agar bahasa tidak mengalami kepupusan dan kematian begitu sahaja tanpa melakukan tindakan yang sewajarnya.

Manakala, Asmah (1988) berpendapat, bahasa tidak dapat dipisahkan daripada orang yang menuturnyanya. Sungguhpun kewujudan pertuturan itu hasil kegiatan seseorang sebagai individu, tetapi bahasa tidak wujud dalam sesebuah masyarakat jika tidak digunakan oleh sekumpulan individu dalam hubungan mereka antara satu sama lain.

Hashim Musa (2008) menjelaskan kedudukan dan peranan bahasa dengan diri manusia dan masyarakatnya amat signifikan selain menjadi alat komunikasi. Asas dan unsur utama dalam pembentukan sesebuah peradaban memainkan peranan penting dalam membentuk jati diri, memupuk perpaduan dan maruah masyarakat penutur. Selain itu, pembentukan peradaban juga mencerminkan kehalusan dan kesopanan budi bahasa, memupuk semangat kekitaan (*esprit de corp*) dan ketinggian adab susila. Jadi, seharusnya masyarakat sedar akan kepentingan bahasa yang bukan sahaja menjadi wadah penyampaian maklumat malah membolehkan diri manusia dibentuk dan dicorak mengikut disiplin yang telah ditetapkan. Seseorang individu juga boleh mengetahui akan sifat dalaman yang ada dalam diri satu-satu individu apabila bahasa diungkapkan.

Bahasa juga boleh dikatakan sebagai satu sistem yang abstrak yang dimanifestasikan dengan penghasilan bunyi bahasa. Bahasa hak milik bersama. Nik Safiah Karim (1981) berpendapat bahasa adalah satu gejala sosial yang dipunyai oleh masyarakat penuturnya.

Bloch dan Trager (1967) pula mendefinisikan bahasa sebagai suatu lambang pertuturan yang arbitrari digunakan oleh anggota sesebuah masyarakat untuk bersama. Manakala Lutfi Abas (1972) pula mendefinisikan bahasa sebagai suatu sistem, simbol pertuturan yang arbitrari yang terdiri daripada bunyi yang diucapkan oleh mulut manusia, dipersetujui dan dipelajari bersama dan disertai oleh simbol untuk membolehkan mereka berkomunikasi.

Berdasarkan definisi yang diberikan oleh para sarjana dapatlah dirumuskan bahawa setiap bahasa mempunyai aturan tertentu. Setiap pengucapan juga dihubungkan dengan benda, tindakan atau konsep tertentu dan bunyi yang tidak lahir dari mulut manusia tidak dianggap sebagai simbol bahasa. Hudson (1980) berpendapat bahawa bahasa mempunyai penyebaran yang luas, mengandungi item yang lebih banyak serta memiliki prestij yang lebih tinggi berbanding dengan dialek.

Bahasa merupakan aset manusia yang paling berharga dalam mengekalkan kemanusiaan itu sendiri. Melalui bahasalah, segala bentuk peradaban dan ilmu pengetahuan disampaikan daripada satu generasi kepada satu generasi sejak zaman berzaman. Pada zaman bentuk bahasa bertulis belum dikuasai oleh masyarakat Nusantara, segala bentuk pengetahuan, etika, perundangan, pemikiran atau kebijaksanaan, petua, dan sebagainya disampaikan secara lisan daripada satu generasi kepada satu generasi. Pemindahan pelbagai konsep budaya dan peradaban ini dilakukan menerusi pembentukan dan penggunaan pelbagai bentuk bidalan, simpulan bahasa, pepatah dan sebagainya. Tentang fenomena ini, Hamilton (1987) pernah menjelaskan apabila beliau mengatakan bahawa:

*Dalam sebuah masyarakat yang budaya tulisan datang lewat dan hanya tertumpu kepada golongan tertentu sahaja, undang-undang adat bagi kawasan itu dan pengumpulan ajaran-ajaran moral bersama-sama dengan pelbagai lakuan tunjuk ajar untuk kehidupan harian, dengan didasarkan kepada pemerhatian terhadap fenomena semulajadi, disampaikan kepada generasi kemudian dalam bentuk pepatah yang masih dan kerap digunakan.*

Pandangan yang dikemukakan dalam petikan diatas jelas membayangkan bahawa bahasa tidak sahaja terdiri daripada rumus formal, tetapi bahasa merangkumi pelbagai jenis pengetahuan lain yang merangkumi keseluruhan aspek kehidupan manusia.

Kesimpulannya, bahasa sebagai alat yang digunakan oleh sesebuah komuniti masyarakat untuk berkomunikasi sesama mereka bagi tujuan menyampaikan dan menerima maklumat dalam kehidupan sehari-hari. Setiap bahasa juga mempunyai kelebihan dan keistimewaan masing-masing yang dapat memberikan pengetahuan dan manfaat yang tersendiri kepada semua masyarakat. Seperti tumbuh-tumbuhan dan hidupan liar mengalami kepupusan, sesetengah bahasa juga mengalami masalah kepupusan. Ketiadaan penutur dan peralihan bahasa kepada bahasa yang lain juga menjadi punca sesuatu bahasa itu diancam kepupusan. Arus globalisasi yang menyebabkan masyarakat mengabaikan bahasa asal mereka. Akhirnya, bahasa berkenaan akan pupus.

Menurut David Crystal (2000) dalam *Language Death* yang menyatakan bahawa kematian bahasa banyak menimpa bahasa minoriti di dunia ini. Oleh itu, kita sebagai rakyat Malaysia haruslah memelihara setiap bahasa yang terdapat di Malaysia, khususnya bahasa minoriti iaitu bahasa masyarakat orang Asli daripada menghadapi ancaman arus globalisasi. Jumlah mereka yang kecil jika dibandingkan dengan penduduk Malaysia yang lain menyebabkan bahasa mereka terpinggir dan dipandang rendah. Adalah dianggarkan bahawa hampir 50% daripada 7000 bahasa dalam dunia akan pupus dalam tempoh 100 tahun. Separuh daripada 3054 bahasa yang menghadapi masalah kepupusan ialah bahasa Asia.

Manakala, Sherley Wetherhold (2012) dalam artikel “*Going, Going, Gone: Five of Asia’s Most Endangered Language*” telah mengenal pasti lima bahasa di Asia yang menghadapi kepupusan. Beliau juga mengatakan bahawa bahasa Orang Asli yang terdapat di Malaysia telah menghadapi ancaman kepupusan.

Bahasa yang dikenal pasti menghadapi kepupusan ialah bahasa Saaroa, bahasa Ainu, bahasa Kusunda, bahasa Manchu, bahasa Jarawa dan bahasa Kanak. Menurut Sherly, bahasa Saaroa di Selatan Taiwan berkemungkinan akan pupus dalam beberapa tahun akan datang kerana hanya terdapat enam orang yang fasih bahasa Saaroa walaupun bilangan etnik ini 300 orang. Bahasa Ainu pula hanya generasi tua sahaja yang masih bercakap bahasa ibunda mereka dan apabila generasi tua meninggal dunia bahasa berkenaan akan pupus kerana generasi muda dihalang oleh kerajaan Jepun untuk mempelajari bahasa berkenaan. Sumber yang diperoleh mengatakan bahawa hanya sepuluh orang yang boleh bertutur dalam bahasa Ainu. Kaum Asli Ainu ini menetap di Pulau Hokkaido di Jepun.

Manakala bahasa Asli Kusunda terdapat di Nepal. Masyarakat Asli ini berasal daripada Papua New Guinea. Laporan terkini menunjukkan dua orang sahaja yang boleh bertutur dalam bahasa berkenaan. Bahasa ini akan pupus kerana generasi muda tidak mahu mempelajari bahasa ibunda mereka. Bahasa Manchu pula terdapat di China. Walaupun terdapat kira-kira sepuluh juta etnik Manchu namun hanya dua puluh orang sahaja yang boleh bertutur dalam bahasa ini. Hal ini kerana hampir

semua kaum Manchu telah diterima sebagai China Han dan menguasai bahasa Mandarin. Bahasa ini akhirnya akan pupus dalam masa beberapa tahun lagi.

Pada 1981, bilangan penutur bahasa Kanak dikatakan 34 orang sahaja dengan bilangan penuturnya yang semakin mengecil ini sedang menghadapi proses kepupusan. Akhirnya bahasa berkenaan akan pupus dan mati. Ancaman sedemikian rupa sering berlaku kepada bahasa minoriti.

Menurut Ismail Salleh (2012), proses kepupusan sesuatu bahasa akan berlaku selepas sesuatu bahasa itu hanya dituturkan oleh beberapa orang yang sudah lanjut usia. Generasi baharu tidak mempelajari dan mewarisi bahasa kaumnya lagi. Mereka langsung tidak mempedulikannya lagi, apatah lagi mahu menggunakan. Generasi muda ini akan memilih bahasa utama negaranya yang menjadi bahasa perhubungan luas. Mungkin bahasa itu bertaraf bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi negara, merangkap bahasa pendidikan kebangsaan, dan bahasa kerja yang mempunyai nilai ekonomi. Sesuatu bahasa akan mati dengan sendiri apabila penutur jati (*asli*) bahasa berkenaan sudah tidak wujud lagi. Hal sedemikian rupa bertepatan dengan peribahasa Melayu “hilang bahasa, lenyaplah bangsa”.

Kematian bahasa akan menyebabkan hilangnya seluruh budaya dan cara kehidupan kaum yang menuturnya. Bahasa yang mati tidak dapat dihidupkan kembali akan mati bersama penuturnya. Bahasa yang mati juga akan menyebabkan tidak ada orang yang mahu mempelajarinya lagi. Apabila sesuatu bahasa mati, segala ciptaan unik manusia penuturnya akan turut lenyap. Ini satu tragedi yang seharusnya dielakkan. Kita tidak seharusnya membenarkan dunia ini didominasi oleh bahasa tertentu dunia. Bahasa minoriti perlu diberi peluang untuk bernaafas dan memainkan peranannya. Apabila penutur sesuatu bahasa itu tidak ada lagi, akan hilang bersama-sama bahasa itu ialah segala kata, istilah dan ungkapan berkaitan dengan flora dan fauna di persekitaran kehidupan penutur itu. Perkara ini banyak berlaku kepada bahasa minoriti yang dituturkan oleh kaum pinggiran di desa dan hutan rimba.

Menurut Jeniri Amir (2009), bagaimana sesuatu bangsa atau kaum menanggapi sesuatu bahasa amat penting. Jika bahasa itu dipersepsikan tidak penting, mereka tidak akan berusaha untuk mempelajarinya, sebaliknya jika bahasa itu dianggap penting, maka bahasa itu akan diutamakan. Mereka akan mempelajarinya bersungguh-sungguh, kerana jika tidak, mereka khuatir akan ketinggalan dari segi sosioekonomi. Itulah sebabnya bahasa yang memiliki nilai ekonomi yang tinggi semakin mengukuhkan kedudukannya, malah secara tidak langsung menjadi bahasa pembunuhan kepada bahasa minoriti. Jelaslah, faktor ekonomi juga mempunyai kesan besar terhadap kedudukan sesuatu bahasa.

Manakala, Skeat dan Blagden (1906: 283) menyatakan bahawa bahasa-bahasa masyarakat orang Asli sedang diancam kepupusan terutamanya kerana mereka sedang berusaha menguasai bahasa Melayu walaupun untuk penggunaan dalam kalangan sesama mereka. Menurut mereka:

*“Nevertheless the process of decay which these dialects are undergoing is now in most parts of the Peninsula advancing at such rate as to justify the presumption that in a few generations there will*

*be little or nothing left, except, possibly in the two or three remote tracts where at present bilingualism has hardly begun to spear”*

Jelaslah disini bahawa terdapat berbagai faktor yang menyebabkan sesuatu bahasa itu mengalami kepupusan dan kematian bahasa.

Dalam bahagian ini adalah penting pengkaji mengetengahkan kehidupan masyarakat orang Asli di Semenanjung Malaysia dan seterusnya tumpuan akan dikhususkan kepada salah satu rumpun bangsa orang Asli yang terdapat di Semenanjung Malaysia, iaitu suku bangsa Senoi. Pendedahan tentang suku bangsa ini penting kerana berkait rapat dengan suku kaum yang akan dijadikan bahan utama untuk kajian dan penulisan seterusnya.

### **1.1.1 Sejarah Masyarakat Orang Asli di Malaysia**

Orang Asli ialah sebahagian daripada penduduk Malaysia. Mereka mendiami negara sejak beribu tahun yang lalu. Perjuangan hidup mereka melampaui zaman dan tempat. Orang Asli berjaya mengharungi segala keperitan dan cabaran semenjak dari mula penghijrahan mereka ke semenanjung ini sehingga ke zaman ini. Menurut Mat Jidin Ahmad (1994) sebagai manusia terawal yang menduduki Tanah Semenanjung ini, sewajarnya mereka lebih ke hadapan daripada bangsa lain di Malaysia. Tetapi apa yang terjadi ialah keadaan sebaliknya.

Masyarakat orang Asli ialah penduduk awal di Semenanjung Malaysia dan telah tinggal di sini hampir 7,000 tahun lamanya. Kebanyakan mereka berasal dari wilayah Khmer atau Kemboja. Penduduk awal ini menjadi pemburu dan pencari makanan yang tinggal di gua-gua batu. Mereka pandai menggunakan api dan memasak makanan. Dalam tempoh masa dua generasi, mereka hanya berpindah sejauh 200 kilometer. Manakala, bagi Melayu-Asli pula, kehadiran mereka agak terkemudian, iaitu kira-kira 5,000 tahun yang lalu. Menurut kebanyakan sarjana, kumpulan masyarakat Melayu-Asli merupakan penghijrahan terakhir berbanding dengan suku bangsa orang Asli yang lain. Mereka telah sampai ke Malaysia sekitar 5,000 tahun yang lalu (Carey, 1976).

Semasa Malaysia belum mencapai kemerdekaan, peristiwa pertama yang mengubah kehidupan masyarakat orang Asli ialah semasa pendudukan Jepun di Semenanjung Tanah Melayu (1941-1945). Semasa Perang Dunia Kedua pula, orang Asli sering dijadikan alat sebagai penghantar atau petunjuk arah oleh pihak Gerila Komunis dalam Malayan People Anti-Japanese Army (MPAJA), walaupun pada hakikatnya tiada sebarang rekod yang menunjukkan peranan orang Asli dalam usaha menentang pihak Jepun ketika itu. Manakala, berlangsungnya zaman darurat 1948-1960 ramai dalam kalangan orang Asli terlibat membantu pihak British dalam memerangi ancaman pihak komunis dengan menggunakan sumpitan beracun untuk membunuh musuh. Sebagai balasan, orang Asli telah diberikan anugerah oleh pihak British. Walau bagaimanapun, hakikatnya sejarah orang Asli juga dapat dilihat apabila orang Asli telah dikuasai oleh komunis yang bertujuan mengambil alih pemerintahan negara selepas berakhirnya penguasaan British di Malaya dan selepas Jepun dikalahkan. Semasa zaman darurat ini, masyarakat orang Asli terperangkap antara dua kumpulan bertentangan, iaitu pengganas komunis dan pasukan keselamatan

kerajaan. Nasib golongan ini mula menampakkan sedikit perubahan apabila ditubuhkan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli pada 1954.

Masyarakat orang Asli mendiami seluruh kawasan di Semenanjung Malaysia meliputi utara Malaysia-Thailand sehingga ke Selat Johor di selatan. Kebanyakan mereka tinggal di Kelantan dan kawasan Banjaran Titiwangsa. 60% masyarakat orang Asli tinggal di kawasan antara, 2,000 kaki hingga 6,000 kaki dari pinggiran laut. Selebihnya mendirikan penempatan di tanah rendah berhampiran kampung Melayu, terutamanya masyarakat orang Asli di pantai barat dan pantai timur semenanjung. Manakala masyarakat orang Asli yang membangunkan penempatan di pesisir pantai, kebanyakannya terdapat di kawasan pantai Selangor, Johor dan Pahang. Secara tradisionalnya, orang Asli hidup dalam komuniti yang kecil. Selalunya dalam satu-satu kawasan atau petempatan masyarakat orang Asli mereka tinggal di kampung sama ada di kampung tradisional atau pun di petempatan baharu yang disediakan oleh kerajaan.

Sumber pendapatan orang Asli di Semenanjung Malaysia berlandaskan kepada persekitaran yang wujud di sekeliling mereka. Pekerjaan masyarakat orang Asli boleh dibahagikan kepada empat pengkhususan yang utama, iaitu pertanian sara diri, berburu, menangkap ikan dan mengumpul hasil hutan. Mereka mengusahakan tanaman secara kecil-kecilan di sekitar rumah dan tanaman ialah padi huma, padi sekoi atau makanan ubi yang lain. Aktiviti berburu pula dilakukan oleh kaum lelaki. Mereka memburu binatang dengan menggunakan sumpitan yang diletakkan jarum yang tajam selain menggunakan jerat. Antara hasil buruan mereka adalah seperti babi hutan, tupai, monyet, biawak, kera, pelanduk, dan sebagainya. Sebagai usaha untuk menambahkan keperluan, mereka akan memungut hasil hutan seperti rotan, buluh, kayu, cendana, damar dan akar kayu selain berkebolehan mendapatkan madu lebah. Dalam hubungan ekonomi dengan orang Cina dan Melayu, ia sudah berlaku sejak berabad lamanya kerana orang Cina sering kali menggunakan mereka sebagai pekerja untuk melakukan aktiviti mengumpul hasil hutan, membuat trek jalan dalam hutan serta pembalakan.

Kajian yang dilakukan oleh Skeat dan Blagden (1906) tentang masyarakat orang Asli meliputi seluruh Semenanjung Tanah Melayu mengatakan bahawa bahasa orang Asli terbahagi kepada 3 kelompok, iaitu Semang, Sakai dan Jakun. Berdasarkan penelitian ini, Hunt (1952) memperincikan pembahagian tersebut kepada 4 kelompok, iaitu bahasa Negrito, bahasa Senoi, bahasa Jakun Semelai dan orang Asli, dan dialek Melayu Asli. Akhirnya Benjamin (1976) menyimpulkan bahawa terdapat hanya 3 kelompok bahasa Orang Asli, iaitu bahasa Asli Utara, Asli Tengah dan Asli Selatan. Bahasa Asli Utara dituturkan oleh suku kaum dalam kategori suku bangsa Negrito, bahasa Asli Tengah dituturkan dalam kalangan suku kaum kelompok Senoi dan bahasa Asli Selatan pula dituturkan oleh suku kaum bangsa Melayu Proto. Pandangan inilah yang dipakai oleh JHEOA untuk mengkategorikan masyarakat Orang Asli tersebut keseluruhannya.

Hasil daripada kajian sarjana diatas, menjelaskan bahawa pembahagian suku bangsa ini dilakukan berdasarkan kelainan bahasa yang dituturkan oleh ketiga-tiga suku bangsa itu. Perbezaan ini disebabkan masing-masing suku bangsa berasal dari wilayah yang berbeza. Pembahagian ini juga dibuat berdasarkan rupa fizikal, asal

usul, adat resam, sistem sosial dan lokasi penempatan masing-masing berbeza-beza antara satu sama lain.

### **1.1.2 Suku Bangsa Senoi**

Menurut Juli (1998) panggilan sebenar bagi Senoi ialah Seng-Oi. Manakala, menurut pembantu pembangunan masyarakat Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di Gombak, istilah Seng (orang) dan Oi (hutan). Ini berpunca daripada latar tempat tinggal masyarakat bangsa ini dalam hutan dan mengamalkan cara hidup yang primitif pada suatu ketika dahulu. Pengaruh bahasa Melayu menyebabkan panggilan asal itu telah bertukar menjadi “Senoi”. Masyarakat orang Asli suku bangsa Senoi merupakan suku bangsa yang paling banyak berbanding dengan suku bangsa Negrito dan Melayu Proto. Jumlah masyarakat suku bangsa Senoi pada 2000 sebanyak 72,871 orang, tahun 2003 sebanyak 81,826 orang, tahun 2004 sebanyak 80,972 orang manakala pada tahun 2012 ialah sebanyak 97,856 orang.

Suku bangsa Senoi dipercayai kumpulan kedua berhijrah ke Semenanjung Malaysia selepas suku bangsa Negrito. Mereka berasal daripada bangsa Mon Khmer dan mempunyai hubungan dengan suku kaum yang mendiami kawasan pergunungan Kemboja, Vietnam, Selatan India, Sri Lanka dan Australia (Abdul Talib Bon et. al, 2003:4). Bentuk fizikal suku bangsa Senoi lebih tinggi daripada suku bangsa Negrito dan Melayu Proto. Purata ketinggian bagi lelaki biasa mereka adalah antara 1494 mm hingga 1548mm. Perempuan dewasa pula dianggarkan setinggi 1437mm. rambut mereka ikal dan tidak terlalu kerinting. Ciri pendaki bukit yang tinggal di kawasan lereng bukit terpamer pada fizikal yang tegap dan gagah.

Kebiasaannya, suku bangsa Senoi mengamalkan kehidupan berpindah randah. Mereka tinggal di satu-satu tempat antara dua hingga tiga tahun sebelum berpindah ke kawasan yang lebih subur. Sumber penanaman mereka ialah padi bukit, sekoi, ubi keledek, tembakau dan jagung. Mereka juga menggunakan sumpit dan perangkap binatang daripada buluh untuk menangkap binatang sebagai makanan.

Masyarakat Senoi terdiri daripada 6 suku kaum, iaitu suku kaum Semai, Temiar, Jahut, Semoq Beri dan Mahmeri. Orang Asli suku bangsa Senoi mendiami kawasan di negeri Perak, Pahang, Kelantan, Terengganu dan Selangor. Suku bangsa Semai boleh didapati di daerah Batang Padang, Perak Tengah, Kinta, Kuala Kangsar, Hulu Perak, Lipis, Raub dan Cameron Highland. Kaum Temiar pula tinggal di Hulu Perak, Kuala Kangsar, Kinta dan Gua Musang. Kawasan sekitar Raub pula menjadi kediaman bagi suku Che Wong manakala Jahut di Temerloh, Pahang. Bagi suku kaum Semoq Beri, taburan penduduk mereka meliputi kawasan Maran, Kuantan, Kemaman, Hulu Terengganu dan Besut. Suku kaum Mahmeri pula hanya boleh ditemui di daerah Kuala Langat, Klang dan Sepang. Bancian pada 2012 menunjukkan bahawa pecahan penduduk masyarakat orang Asli bagi suku bangsa Senoi adalah seperti yang berikut.

1 Temiar	(31,038 orang)
2 Semai	(51,313 orang)
3 Semoq Beri	(5,313 orang)
4 Che Wong	(651 orang)
5 Jahut	(5,618 orang)
6 Mahmeri	(3,799 orang)

## 1.2 Pernyataan Masalah

Laporan Ethnologue (2005) menyatakan terdapat sejumlah 6912 bahasa di dunia. Daripada jumlah tersebut, 516 menghadapi ancaman kepupusan. Perangkaan menunjukkan bahawa bahasa dunia yang terancam dan bakal menghadapi kepupusan adalah 200 bahasa di Eropah, 1000 bahasa di Amerika (Utara dan Selatan), 2400 bahasa di Afrika, 231 bahasa di Australia, serta di benua Asia dan kawasan Pasifik 3200 bahasa dan daripada jumlah tersebut, 800 bahasa terdapat di Papua New Guinea. David Crystal (2002) pula mengatakan bahawa bahasa orang Asli akan pupus setiap dua minggu. Kepupusan bahasa Asli ini merupakan sesuatu yang amat membimbangkan. Oleh itu, pengkajian terhadap kepupusan dan kematian bahasa perlu dilakukan agar bahasa kaum minoriti dapat diselamatkan daripada terus hilang begitu sahaja.

Menurut David Crystal, (2002), sesuatu bahasa akan mati apabila penuturnya mati. Dressler (1988) pula mengatakan bahawa kepupusan bahasa ialah keadaan sesuatu bahasa itu tidak lagi dituturkan oleh penutur natifnya yang terakhir kerana telah meninggal dunia.

Selain faktor kematian penutur terdapat faktor lain yang membawa kepada kematian bahasa. Antaranya ialah bencana alam seperti gempa bumi, taufan, banjir, kedua kebuluran, yang berkaitan secara langsung dengan masalah ekonomi, ketiga ialah penyakit berjangkit seperti malaria dan HIV/AIDS, keempat ialah peperangan dan persengketaan kaum, kelima perpindahan dan pencerobohan kawasan etnik asli dan sebagainya. Namun, sesuatu bahasa juga mati kerana keghairahan penggunaan bahasa asing secara berleluasa dalam masyarakat.

Bilangan masyarakat Jahut yang kecil dan kurang juga menimbulkan keimbangan dari sudut bahasa dan budaya memandangkan wujudnya proses dominasi bahasa utama, khususnya bahasa Melayu.

Kajian perlu dilakukan terhadap pelestarian bahasa Jahut kerana kekhawatiran pupusnya bahasa Jahut merupakan satu ancaman. Menurut Fishman (1991) kemusnahaan bahasa membawa kemusnahaan akar umbi dan jati diri sesebuah kelompok masyarakat. Hale (1992:3) menyimpulkan pandangan Fishman itu dengan katanya,

*“Language loss is part of the more general loss being suffered by the world, the loss of diversity in all things.”*

Kesannya menjadi lebih teruk lagi kerana masyarakat yang mengalami masalah ini selalunya ialah masyarakat yang minoriti, terpinggir dan sememangnya sangat bergantung kepada ciri budaya untuk terus bersaing dalam arus perdana.

Proses asimilasi bahasa Melayu terhadap kaum Jahut juga menyebabkan bahasa Jahut dipinggirkan oleh masyarakatnya sendiri. Hal ini berlaku disebabkan kebanyakan mereka sudah menerima pemodenan dan terdedah dengan dunia luar. Masyarakat orang asli Jahut terpaksa belajar menggunakan bahasa luar supaya tidak ketinggalan dalam arus globalisasi yang semakin maju. Media massa ialah salah satu pemodenan yang memberikan pengaruh bahasa Melayu yang kuat terhadap masyarakat Jahut di Pahang.

Menurut Mohd Sharifudin Yusop (2007) kematian bahasa ialah sesuatu yang amat merugikan bukan sahaja pada bangsa penutur bahasa itu tetapi seluruh umat manusia. Dunia akan kehilangan salah satu wadah pengetahuan tentang kerencaman budaya yang didokong oleh sesebuah masyarakat bahasa. Beliau turut mengatakan bahawa peranan bahasa minoriti tidak harus dipandang sebelah mata kerana setiap satunya menjadi akar kepada bahasa yang lebih dominan dan sewajarnya tumpuan diberikan terhadap penelitian bahasa minoriti itu supaya tidak lenyap dalam arus globalisasi yang menuntut penciptaan bahasa yang global pula sifatnya.

Data yang diperoleh menunjukkan pendidikan juga memberikan impak yang besar terhadap proses pewarisan bahasa. Sistem pendidikan yang diamalkan di Malaysia boleh menghakis bahasa minoriti daripada penutur natifnya. Faktor pekerjaan dan kahwin campur juga menjadi penyumbang mereka melupakan bahasa ibunda mereka.

Oleh itu, kajian terhadap bahasa orang Asli suku kaum Jahut yang meliputi aspek fonologi dan leksikal ini perlu dilakukan agar struktur bahasa tersebut dapat dikaji dengan lebih rinci dan secara tidak langsung dapat memastikan bahawa kelangsungan bahasa tersebut agar tidak pupus ditelan zaman. Hal ini demikian kerana, bahasa merupakan khazanah yang amat tinggi nilainya dan tidak wajar sekiranya bahasa tersebut dibiarkan pupus tanpa ada sebarang inisiatif untuk melestarikannya.

Kajian ini sangat penting kerana pertama kali dikaji dengan lebih mendalam tentang aspek fonologi dan leksikal masyarakat orang Asli Jahut, di samping menyelengkari pemikiran dan budaya yang diamalkan oleh mereka.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian yang dilakukan ini mempunyai tiga objektif yang utama iaitu :

- i) Menghuraikan aspek fonologi dan leksikal bahasa suku kaum Jahut.
- ii) Menjelaskan kelestarian bahasa Jahut dalam komunikasi.
- iii) Menilai status bahasa Jahut berdasarkan sikap penggunanya.

### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian tentang bahasa orang Asli suku kaum Jahut ini merupakan kajian terawal yang dilakukan kerana setakat ini masih belum ada kajian ilmiah khususnya kajian kebahasaan dilakukan terhadap bahasa ini. Orang Asli Jahut terdapat di daerah Temerloh dan Jerantut di negeri Pahang. Di daerah Temerloh mereka tinggal di kawasan yang dipanggil Kerdau-Paya Paleng, Paya Mengkuang, Kuala Krau-Panderas, Mendoi, Seboi, Pasu, Pian dan Galong. Di daerah Jerantut mereka tinggal

di Sungai Kiol dan Kekwel (Kol). Mereka menyara hidup dengan mencari rotan dan damar untuk dijual, di samping menangkap ikan, memburu binatang dan berladang dengan menanam padi huma, jagung dan ubi. Dalam kajian ini pengkaji akan memfokuskan masyarakat orang Asli di satu petempatan sahaja, iaitu Kampung Pian, Kuala Krau, Pahang.

Kajian ini penting kepada masyarakat orang Asli sendiri pada masa akan datang kerana terhasilnya dokumen bahasa Jahut sebagai rujukan kelak. Dokumentasi ini diharapkan bukan sahaja menjadi rujukan masyarakat orang Asli sendiri malah untuk pengkaji-pengkaji yang seterusnya yang berminat untuk mengetahui bahasa masyarakat Asli tersebut. Hasil penyelidikan ini penting kerana bahasa merupakan satu khazanah warisan bangsa dan budaya masyarakat orang Asli di Malaysia dan tidak seharusnya dibiarkan pupus. Sebaliknya perlu dikekalkan dan diperkembang penyebaran dan fungsinya dalam masyarakat. Oleh itu, bahasa suku kaum Jahut tetap menjadi wadah komunikasi yang terus kekal dalam masyarakatnya. Mohd Sharifudin dan Wan Khairulhusna (2010) turut mengatakan bahawa orang Asli harus diapresiasi oleh masyarakat massa kerana orang Asli merupakan salah satu dari suku di Malaysia yang banyak mencorakkan citra negara ini dari sudut warisan tamadun silam yang semakin sirna dari kaca mata sejarah.

### **1.5 Batasan Kajian**

Kajian analisis bahasa orang asli suku kaum Jahut ini hanya memfokuskan aspek fonologi dan leksikal dalam daftar kata bahasa tersebut yang dapat dibandingkan dengan struktur bahasa Melayu. Perkampungan orang Asli yang dijadikan sebagai lokasi kajian juga tidak meliputi keseluruhan petempatan yang disenaraikan tetapi hanya dilakukan di perkampungan orang asli suku Jahut di Kampung Pian, Kuala Krau, Pahang. Lokasi berkenaan dipilih ekoran daripada penggunaan bahasa tersebut agak menyeluruh dan hal ini amat bertepatan dengan kajian yang dilakukan.

Pengkaji hanya mengutip kosa kata berdasarkan beberapa kategori, iaitu cuaca, bahagian tubuh badan, sapaan dalam kekeluargaan, tumbuhan, binatang, peralatan rumah dan senarai kata Swadesh berjumlah 207 patah perkataan. Setelah itu barulah pentranskripsian dilakukan terhadap kesemua kosa kata berdasarkan Symbol International Phonetic Alphabet (IPA).

### **1.6 Definisi Operasional**

Oleh sebab kajian ini menumpukan perbincangan terhadap fonologi dan leksikal bahasa orang Asli, makna konsep asas bidang tersebut sewajarnya difahami dengan secara mendalam. Dalam konteks ini, definisi pelestarian bahasa akan diuraikan terlebih dahulu sebagai asas perbincangan dan diikuti orang Asli Jahut, fonologi dan leksikal yang akan bertindak sebagai konsep utama dalam penginterpretasian kajian ini.

#### **1.6.1 Pelestarian Bahasa**

Pelestarian bahasa bermaksud sesebuah komuniti atau masyarakat yang masih menggunakan bahasa mereka di dalam kehidupan seharian dan menguasai bahasa itu

dengan cekap iaitu di dalam percakapan dan penulisan walaupun bahasa-bahasa lain mempunyai kepentingan di dalam komuniti.

Menurut Kamus Dewan (2005), pelestarian adalah keadaan yang tidak berubah atau yang terpelihara seperti asal. Menurut Kridalaksana (1984) dalam Zainal Abidin Masleh (2011), istilah pemeliharaan bahasa digunakan bagi mengganti istilah pelestarian bahasa sebagai terjemahan daripada *language maintenance* dan mendefinisikan istilah ini sebagai usaha agar suatu bahasa tetap dipakai dan dihargai sebagai identiti kelompok dalam masyarakat. Oleh itu, pelestarian bahasa ialah usaha untuk mengekalkan hayat sesuatu bahasa dalam kalangan komuniti bahasa itu sendiri.

### **1.6.2 Orang Asli Jahut**

Sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan pada 1957, masyarakat Orang Asli yang terdapat di Semenanjung Malaysia lebih dikenali sebagai Sakai, Semang dan Jakun tetapi perkataan seperti ini tidak disenangi oleh Orang Asli kerana membawa maksud yang menghina seperti hamba, kotor dan sebagainya. Carey (1976) mengatakan bahawa panggilan-panggilan lain yang biasa digunakan selain daripada Orang Asli ialah Orang Darat, Orang Dalam dan Orang Dusun yang kesemuanya bermaksud orang yang tinggal di kawasan pedalaman. Panggilan ini adalah tidak tepat kerana ada Orang Asli yang tinggal di kawasan berhampiran dengan kawasan Selangor dan Johor.

Setelah tertubuhnya Jabatan Orang Asli (sekarang dikenali sebagai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli) pada awal 1950, istilah Sakai telah dimansuhkan dan digantikan dengan istilah Orang Asli. Istilah ini telah diselaraskan pada semua jabatan kerajaan dan juga dalam kalangan para penyelidik dan pengkaji kumpulan etnik ini. Matlamat ini bertujuan untuk mengelakkan prasangka dan dendam yang kerap terjadi antara pengkaji dengan Orang Asli, kerana akibat dari prasangka ini, Orang Asli tidak mahu memberi kerjasama yang sewajarnya kepada mereka.

Kamus Dewan (1964) memberi takrif peribumi sebagai '*penduduk asli*' dan juga bumiputra. Definisi yang hampir sama diberikan kamus Longman (Edisi Kedua, 1997) yang mentakrifkan peribumi sebagai *aboriginal* iaitu para penduduk asal (*aborigines*) yang telah wujud di sesuatu negeri sejak awal lagi. Dalam konteks ini, dapat difahami bahawa peribumi merupakan istilah umum yang digunakan bagi merujuk kepada semua kelompok manusia yang dianggap sebagai penghuni asal atau terawal di Malaysia.

Manakala, di bawah istilah peribumi ini barulah muncul dua istilah yang lebih spesifik digunakan untuk membezakan status kumpulan '*para penduduk asal*' ini, iaitu bumiputra dan Orang Asli. Adli Haji Yacob dan Khuzaihan Zakaria (2008) dalam Kamus Bahasa Melayu pula mengatakan bahawa Orang Asli adalah yang asal keturunannya lahir dan tinggal di sesebuah negeri itu, peribumi, berasal dari sesebuah negeri atau daerah itu sendiri (bukan ciptaan), bawaan sejak lahir, tulen (bukan buatan terkemudian atau tiruan atau bercampur bahan lain), pengenalan asal (bukan salinan), ketulenan dan kejatian.

Carey (1976), mentakrif bahawa ‘*asli*’ adalah daripada perkataan Arab iaitu *Asali* atau *Original*. Semasa pemerintahan British, Orang Asli dipanggil Sakai, manakala orang Inggeris memanggil masyarakat Orang Asli sebagai *aborigines*. Menurut Jasman Ahmad dan Rosnah Ramli (1997), istilah *aborigines* lebih membawa makna masyarakat yang mundur, primitif dan masih tidak membangun. Kerajaan Malaysia telah menukar istilah tersebut kepada Orang Asli yang lebih menjurus kepada kehidupan yang moden dan tidak terpengaruh sikap negatif masyarakat tersebut. Pengkaji terkemudian seperti Nicholas (2000) mentakrifkan panggilan ‘Orang Asli’ bermaksud ‘*tulen*’ atau ‘*masyarakat pertama*’ yang mendiami Semenanjung Malaysia.

**Jadual 1.1: Kategori Rumpun Bahasa dan Suku Kaum Orang Asli**

Suku Bangsa	Suku Kaum	Lokasi Petempatan
Negrito	Kintak Kensiu Jahai Mendriq Bateq Lanoh	Kedah, Perak, Kelantan dan Pahang. Mereka juga terdapat di Selatan Thailand
Senoi	Temiar Semai Che Wong Jahut Semoq Beri Mahmeri	Kelantan, Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu
Melayu Proto	Temuan Semelai Jakun Orang Kanaq Orang Seletar Orang Kuala	Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang

**Sumber:** Jaringan Orang Asli SeMalaysia (JOAS) 2008

Jadual 1.1 memperlihatkan kategori rumpun bahasa dan suku kaum orang Asli.

Orang Asli dibahagikan kepada 18 suku kaum dan menggunakan 12 bahasa yang berbeza. Menurut Jimin (1972) kumpulan Negrito secara tradisinya mendiami kawasan hutan tebal dan tetap memilih kawasan geografi yang sama untuk meneruskan kegiatan memburu, bercucuk tanam secara nomad dan memungut hasil hutan. Oleh itu, mereka mendiami kawasan hutan di Kedah, Perak, Kelantan dan Pahang. Mereka juga terdapat di Selatan Thailand. Manakala kumpulan Senoi terdapat di Kelantan, Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu. Kumpulan Proto pula mendiami negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang Bababron (1972) menyatakan Orang Asli sebagai “.....*a category indigenous ethnic minorities....*” Orang Asli diakui sebagai komuniti peribumi yang terawal yang menduduki Semenanjung Tanah Melayu.

Menurut Jimin Idris dan Ramlee Abdullah (1993) pula, masyarakat Orang Asli adalah sebahagian daripada masyarakat Malaysia yang tersebar di seluruh

Semenanjung Malaysia kecuali di Perlis dan Pulau Pinang. Misalnya kelompok Negrito mendiami kawasan utara dan juga di bahagian tengah Semenanjung Malaysia. Begitu juga dengan kelompok Senoi pula berada di kawasan utara, pantai timur dan tengah Semenanjung Malaysia (JHEOA, 2008).

Seterusnya kelompok Melayu-Proto pula didapati mendiami kawasan pantai barat dan selatan serta juga di bahagian tengah Semenanjung. Ditinjau dari segi bilangan pula, secara amnya, kelompok Negrito merupakan kelompok orang Asli yang paling kecil jumlahnya. Manakala kelompok Senoi pula merupakan kelompok yang terbesar dan diikuti oleh kelompok Melayu-Proto. Dari segi bahasa pula, kelompok Negrito dan Senoi termasuk dalam rumpun Austroasia, manakala kelompok Melayu-Proto pula sama seperti Bahasa Melayu, tergolong dalam rumpun Austronesia.

**Jadual 1.2: Jumlah Penduduk Orang Asli Mengikut Suku Kaum Tahun 2012**

Kategori	Suku Kaum	Jumlah
Negrito	Batek Jahai Kintak Kensiu Lanoh Menderik	5,009
Senoi	Che Wong Jahut Mahmeri Semai Semok Beri Temiar	97,856
Proto	Jakun Orang Kanak Orang Kuala Orang Seletar Semelai Temuan	75,332

**Sumber: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia, 2012**

Jadual 1.2 di atas menunjukkan suku bangsa Senoi mempunyai jumlah penduduk yang paling besar diikuti suku bangsa Proto dan Negrito. Walaupun suku bangsa Senoi mempunyai jumlah penduduk yang paling besar, namun bahasa ini masih bersifat minoriti dan berkemungkinan diancam kepupusan jika pelestarian bahasa tidak dilakukan.

Kewujudan Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) di bawah Aboriginal Peoples Ordinance No. 3, 1954 yang telah dipinda pada 1974, penetapan istilah dan kelayakan untuk dikatakan sebagai komuniti Orang Asli telah dijelaskan dengan terperinci. Berdasarkan Seksyen 3 dalam Akta Orang Asli 1954 (Akta 134), Orang Asli ditakrifkan seperti berikut:

- i) Mana-mana orang yang bapanya adalah seorang dari kumpulan bangsa orang Asli, yang bercakap dalam bahasa orang Asli dan lazim mengikut cara hidup orang Asli dan adat serta kepercayaan orang Asli, dan tidak termasuk seseorang keturunan melalui lelaki itu.
- ii) Mana-mana orang atau apa-apa kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa masih kanak-kanak orang Asli, lazim bercakap mengikut cara orang Asli dan adat dan kepercayaan orang Asli dan adalah seseorang dari sesuatu masyarakat orang Asli atau
- iii) Anak dari apa-apa persatuan antara seorang perempuan orang Asli dengan seseorang lelaki dari sesuatu kaum lain dengan syarat bahawa anak itu lazim bercakap dalam bahasa orang Asli, dan kepercayaan orang Asli dan masih lagi jadi seseorang dari sesuatu masyarakat orang asli.
- iv) Mana-mana orang Asli yang tidak lagi berpegang kepada kepercayaan orang Asli oleh kerana ia telah masuk sesuatu agama atau kerana apa-apa sebab lain, tetapi ia masih mengikut cara hidup orang Asli dan adat orang Asli atau bercakap dengan bahasa orang Asli tidak boleh ditafsirkan sebagai tidak lagi menjadi seorang orang Asli semata-mata oleh sebab ia mengamalkan agama itu.
- v) Apa-apa soal sama ada seseorang adalah seseorang Asli atau bukan orang Asli diputuskan oleh Menteri.

Orang Asli Jahut tergolong dalam suku masyarakat orang Asli Senoi. Menurut Collin Nicholas (2000:4), kelompok Senoi merupakan kelompok orang asli yang terbesar, diikuti oleh kelompok Melayu-Proto dan kelompok Negrito. Sejumlah 4 717 orang terdapat di Pahang, khususnya di daerah Temerloh. Sebilangan kecil terdapat di Perak dan Selangor. Bilangan keseluruhan menurut Bancian JHEOA 2003 ialah seramai 5 104 orang. Manakala, bilangan penduduk suku kaum Jahut di Kampung Pian, Kuala Krau, Pahang yang diperolehi daripada Data Profil Perkampungan Orang Asli Pahang-Daerah Temerloh 2009/2010 ialah seramai 702 orang.

Pada 2000, jumlah penduduk Jah Hut ialah 2,442 dan pada 2005, anggarannya ialah lebih kurang 4,000 orang yang tinggal di 11 buah kampung yang terletak di sepanjang tebing barat Sungai Pahang dari Jerantut di utara ke Temerloh di Selatan. Pada tahun 2012 jumlah penduduk Jah Hut bertambah kepada 5, 328 di negeri Pahang manakala bilangan keseluruan suku Jahut ialah 5, 618.

Di daerah Temerloh ini mereka tinggal di kawasan yang dipanggil Kerdau-Paya Pelong, Paya Mengkuang, Kuala Krau-Kampung Panderas, Paya Mendoi, Kampung Pasu, Pian, Paya Rekoh, Paya Mendoi dan Kuala Terboi. Manakala di daerah Jerantut suku kaum ini tinggal di Sg. Kiol dan Kekwel (Kol). Couillard (1980) menyatakan kebanyakan suku kaum ini tinggal di pinggir Sg.Krau iaitu dalam Hutan Simpan Krau.

Bahasa yang dituturkan oleh orang Jah Hut dikenali sebagai ‘bahasa Jahut’ dan merupakan sebahagian bahasa Mon-Khmer yang pula merupakan satu cabang keluarga bahasa Austro-Asia.

Menurut Carey (1976), Jah bermaksud orang, manakala Hut bermaksud ‘hutan’. Gabungan keduanya membawa maksud kepada ‘Orang Hutan’ dalam bahasa Jah Hut, ‘Jah’ bermaksud orang dan ‘Hut’ bermaksud bukan atau tidak. Walau bagaimanapun, penterjemahan harfiah ini tidak dapat menerangkan kata majmuknya disebabkan ‘*bukan orang*’ ini memang bukan erti yang dimaksudkan. Menurut kaum Jah Hut itu sendiri iaitu informan Batin Mat Kuang Jah bermaksud orang dan Hut bermaksud berbeza. Bahasa Jah Hut telah pun menyerap banyak perkataan bahasa Melayu dalam perbendaharaan katanya. Loghat-loghatnya termasuk Kerdau, Krau, Ketiar Krau (Terengganu), Kuala Tembeling, Pulau Guai, Ulu Ceres (Cheras) dan Ulu Tembeling.

Kegiatan pertanian utama orang Jah Hut ialah menoreh getah, penanaman padi dan penternakan ayam. Kegiatan pengukiran kayu juga diamalkan dan bukan sahaja merupakan satu sumber pendapatan untuk orang Jah Hut, tetapi juga merupakan satu lanjutan untuk kepercayaan keagamaan mereka. Walaupun orang Jahut tinggal dalam hutan, mereka tidak terpencil secara langsung dan telah berdagang dengan orang berhampiran sejak beberapa ratus tahun yang lalu.

### 1.6.3 Fonologi

Menurut Kamus Linguistik (Harimurti Kridalaksana, 1984) fonologi ialah bidang dalam linguistik yang menyelidiki bunyi bahasa mengikut fungsinya. Kamus Linguistik (1993) pula mendefinisikan fonologi sebagai cabang linguistik yang mengkaji bunyi bahasa dan fungsinya dalam sistem bunyi bahasa tersebut. Bunyi bahasa disusun dalam satu sistem bezaan, dan kemudian dianalisis dari segi fonem, fitur distingtif atau unit fonologi yang lain, sesuai dengan teori yang digunakan. Bidang ini bertujuan untuk menunjukkan pola bunyi distingtif didalam sesuatu bahasa.

Manakala menurut Frank Parker (1994), fonologi berasal daripada perkataan *phone* dalam bahasa Greek yang bermaksud *suara* iaitu merujuk kepada suara manusia iaitu bunyi-bunyi yang dikeluarkan oleh alat-alat artikulasi. David Crystal (1985) berpendapat fonologi ialah satu cabang ilmu linguistik yang mengkaji sistem bunyi sesuatu bahasa.

Menurut Daniel Steibla (1967), fonologi ialah kajian bunyi-bunyi bahasa dan susunannya dalam satu-satu bahasa. K.I Pike (1971&1972) membahagikan kajian bunyi kepada dua, iaitu kajian fonetik dan fonemik. Kajian fonetik ialah kajian bahasa dari segi cara pengeluaran, daerah pengeluaran bunyi dan sifat fizikal bunyi. Kajian fonemik pula ialah mengkaji bunyi bahasa yang membezakan makna dalam sesuatu bahasa. Hartmann dan Stork (1973:175) mengemukakan takrif fonologi sebagai:

*“The study of speech sounds of given language and their function within the sound system of the language. In contemporary usage the term covers not only the field of phonemics but also the study of sound change in the history of a given language.”*

Kesimpulannya, fonologi merupakan satu komponen bahasa yang mengkaji aspek terpenting dalam bahasa, iaitu bunyi. Fonologi biasanya akan menumpukan

kajiannya terhadap sistem bunyi bahasa dalam pertuturan. Manakala fonologi cuba untuk menghuraikan kejadian perubahan bahasa apabila morfem digabungkan dalam proses pembentukan ayat sesuatu bahasa.

#### **1.6.4 Leksikal**

Terdapat pelbagai takrifan yang diberikan oleh sarjana linguistik berhubung dengan makna leksikal. Masing-masing mempunyai pendapat yang hampir sama dan ada juga yang memberikan pendapat yang berbeza berdasarkan maksud yang bertepatan bagi pendapat mereka.

Menurut Hartmann dan Stork (1973), leksikon ialah kumpulan perbendaharaan kata atau unsur teknikal dalam satu bahasa dari kepelbagaiannya bahasa. Pengumpulan leksikon ini disusun dalam bentuk kamus atau disenaraikan dalam bidang tertentu dengan jelasnya.

Bagi Akmajian (1984) leksikon adalah senarai kata yang terdapat dalam sesuatu bahasa iaitu setiap daripadanya mempunyai bentuk, makna tersendiri dan merupakan komponen pertuturan yang dibahagikan kepada beberapa golongan. Pergolongan jenis pertuturan itu termasuklah kata nama, kata kerja, kata sifat, adverb dan kata depan.

J.W.M Verhar (1982) pula berpendapat bahawa leksikal memiliki makna tertentu yang mengaitkannya dengan unsur luar bahasa, iaitu makna dan pemilihan kata yang mempunyai hubungan dengan kehidupan manusia. Manakala Liaw Yock Fang (1979), mengatakan bahawa leksikal ialah kata-kata yang diberikan makna penuh seerti dalam kamus. Kata-kata ini adalah kata-kata isi (*content word*), ertinya kata-kata yang mempunyai makna dan dapat berdiri sendiri. Menurut beliau kata-kata leksikal adalah golongan kata yang terbuka, iaitu kata yang dapat bertambah setiap hari.

Asmah Hj Omar (1986) mentakrifkan leksikon sebagai kata-kata yang ada padanya makna yang tidak disyaratkan oleh struktur. Sebahagian besar daripada kata sempurna ialah leksikon. Kata-kata leksikon ini diberi makna yang penuh dalam kamus. Beliau juga mengatakan bahawa kata-kata leksikon merupakan kata yang memasuki sistem terbuka dan tidak stabil. Pertembungan budaya satu masyarakat lain akan menyebabkan berlakunya asimilasi terhadap perbendaharaan kata sesuatu bahasa. Ini berlaku kerana wujudnya unsur permintaan atau penyesuaian baik dalam bahasa itu sendiri mahupun dari luar. Oleh sebab sifat keterbukaannya, Asmah Hj Omar (1985:149) membahagikan perbendaharaan kata atau leksikon kepada dua jenis, iaitu:

- i) Perbendaharaan kata istilah
- ii) Perbendaharaan kata biasa

Perbendaharaan kata istilah ialah perbendaharaan kata yang dicipta oleh ahli dalam bidang tertentu dan edaran kata tersebut hanya terbatas yang kini terhad kepada ilmu atau bidang tertentu sahaja. Sementara perbendaharaan kata biasa ialah perbendaharaan kata yang biasa digunakan dalam kehidupan sehari-hari. Penyebaran

perbendaharaan kata ini tidak terbatas hanya kepada bidang tertentu malah ia merupakan milik semua orang.

Seterusnya, Hartman dan Strok (1973) yang mentakrifkan leksikal sebagai kumpulan perbendaharaan kata atau unsur leksikal dalam satu bahasa. Kata atau leksikal bermaksud pengertian yang ada kaitan dengan benda, kejadian yang berlaku dan juga pengalaman manusia itu sendiri yang berlaku di persekitaran mereka. Oleh itu, kata dan kebudayaan bukan sahaja dapat mencerminkan perihal kehidupan ekonomi tetapi juga merangkumi segala aspek kebudayaan seperti agama, politik, kesenian dan perkara lain yang penting dalam kehidupan kebudayaan sesuatu bangsa.

Berdasarkan definisi di atas, leksikal merupakan kosa kata sesuatu bahasa yang mempunyai maknanya yang tersendiri dan difahami oleh masyarakat yang menuturkannya. Menurut Bloomfield (1992) secara umumnya leksikal merupakan asas dalam pembentukan kata bagi sesuatu bahasa dan sentiasa berubah mengikut perubahan zaman.

Dalam bab ini pengkaji telah membincangkan latar belakang orang Asli Semenanjung Malaysia iaitu orang Asli Senoi. Di samping itu menjelaskan suku kaum Jahut secara terperinci agar pembaca mendapat gambaran kehidupan orang Asli ini. Orang Asli Jahut merupakan masyarakat minoriti yang terdapat di negeri Pahang. Bilangan mereka yang kecil boleh menyebabkan bahasa masyarakat Jahut menghadapi kepupusan seterusnya melenyapkan budaya yang diwarisi sejak turun temurun lagi. Kepupusan bahasa merupakan suatu kerugian kepada umat manusia. Hal ini kerana, bahasalah yang melambangkan identiti sesuatu kaum. Oleh itu, bahasa minoriti terutama bahasa Jahut ini perlu diberi perhatian oleh para pengkaji agar tidak mengalami ancaman kepupusan.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz Ahmad. (2001). *Kamus Za'ba*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara Books Sdn. Bhd.
- Abdul Hamid Mahmood. (1990). *Dialek Terengganu: Suatu Tinjauan Ringkas dalam Jurnal Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Talib Bon. (2003). *Kenali Kami Masyarakat Orang Asli Di Malaysia*. Batu Pahat: Kolej Universiti Tun Hussein Onn.
- Abdul Razaq Ahmad & Zalizam Mohd Jelas. (2009). *Masyarakat Orang Asli, Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Hassan. (1969). *Satu Kajian Morfologi-Fonologi Bahasa Orang Asli Dialek Temuan*. Tesis Sarjana: Universiti Malaya.
- Adli Hj Yaacob dan Khuzaihan Zakaria. (2008). *Kamus Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Crescent News Sdn. Bhd.
- Ajid Che Kob. (1977). *Dialek Geografi Pasir Mas. Fonologi dan Leksikal*. Tesis Ijazah Sarjana Sastera. Jabatan Pengajian Melayu: Universiti Malaya
- Amran Kasimin. (1991). *Religion and Social Change Among The Indigenous People Of The Malay Peninsular*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arabi Idid (1993). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi Dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka..
- Asmah Haji Omar. (1985). *Perancangan Bahasa Dengan Rujukan Khusus Kepada Perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1998). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2001). *Kaedah Penyelidikan Di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Aziz Yahya & Et. Al. (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis & Interpretasi Data*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd
- Baktiar bin Kasbi. (1984). *Tradisi Sosial Masyarakat Jah Het Di Kuala Krau, Pahang: Satu Kajian Etnografis*. Tesis Sarjana Muda. Jabatan Antropologi dan Sosiologi. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

- Benjamin, G. (1976). *Austroasiatic Subgroupings and Prehistory In The Malay Peninsular*. Dalam Jenner. P, Thompson L. C. dan Starosta S. (Pnyt). *Austroasiatic Studies*. 37-128. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Bloomfield, Leonard. (1992). *Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carey. (1976). *Orang Asli: The Aboriginal Tribes Of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Chaiyanora Paitoon Masmintra. (1983). *Dialek Melayu Pattani Bahasa Malaysia: Satu Kajian Perbandingan Dari Segi Fonologi, Morfologi Dan Sintaksis*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Che Raziah Mezah. (2006). *Analisis Kesilapan Leksikal Dalam Karangan Bahasa Arab*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa dan Linguistik: Universiti Malaya.
- Chua Yan Piaw (2006). *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw-Hill Sdn. Bhd.
- Collins, J.T. (1985). *Antologi Kajian Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Couillard, A.M. (1980). *Traditional In Tension: Carving In A Jah Het Community*. Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Creswell, J.W. (2005). *Education Research Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research. Second Edition*. Singapore: Pearson, Merill Prentice Hall
- David Crystal. (2002). *Mengapakah Bahasa Mati*. Diterjemahkan oleh Azizah Md. Hussin. Jurnal Bahasa. Jilid 2. Bil.3. September 2002. hlm 309-333. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Denzin, N.K. (2001). *Handbook Of Qualitative Research (2<sup>nd</sup> Ed)*. Thosand Oaks, CA: Sage Publications Ltd
- Diffloth, G.I. (1976). *Jah Het And Austroasiatic Language Of Malay Peninsular Southeast Asian Studies*. Pacific Linguistics: Canberra.
- Dorian. (1981). *Language Death : The Life Cycle Of A Scottish Gaelic Dialect*. Philadelphia : University Of Pennsylvania Press.
- Dresslar, Wolfgang. (1998). *Language Death, Linguistics: The Cambridge Survey, IV. Language: The Sociocultural Context*, F. New Mayer (Ed), Halaman 184-192. New York: Cambridge University Press.
- Faridah Nazir & Maridah Alias. (2013). *Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur . Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Fauziah Mat. (1993). *Dialek Jahai: Satu Kajian Fonologi*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Fishman, J.A (1991). *Reversing Language Shift: Theoretical and Empirical Foundations of Assistance to Threatened Language*. Clevedon, UK: Multilingual Matters.

Frank, Parker. (1994). Terjemahan Raja Rahawani Raja Mamat. *Linguistik Untuk Bukan Ahli Linguistik*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Gumperz, J.J. and Hymes, D. (Eds.). (1964). *The Ethnography Of Communication*. American Anthropologist New Series 66 No. 6, Part 2, Washington: American Anthropological Association.

Hale, K.L. (1992). *Endangered Language*. Language 68(1): 1-42. Washington: Linguistic Society Of America.

Hale, Kenneth. (1992). *Language Endangerment and The Human Value Of Linguistic Diversity*. Salem, MA: Cambridge, MA: Mit Press.

Harimurti Kridalaksana. (1984). *Kamus Linguistik*. Jakarta: P.T. Gramadia.

Hartmann and Stork. (1973). *Dictionary Of Language And Linguistic*. London: Applied Science Publisher Ltd.

Hashim Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad Ke-21*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Hassan Ahmad. (2007). *Bangsa Pupus*. Dewan Bahasa. Jilid 9 Bil.4, hlm 6-10. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hassan Mat Nor. *Pendidikan dan Masa Depan Orang Asli* dalam Rahimah Abdul Aziz dan Mohamed Yusoff Ismail (2000). *Masyarakat, Budaya Dan Perubahan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

<http://www.scribd.com/doc/15748501/kajian-etnografi> (Tarikh capaian: 2 Disember 2013, pukul 9.15am)

<http://www.permataorangasli.blogspot.com/> (Tarikh capaian: 15 Disember 2013, pukul 10.30pm)

<http://waamirzal.blogspot.com/2012/05/asalnya-kata-tidak-mengenali-orangasli.html> (Tarikh capaian: 13 Januari 2014, pukul 2.20pm)

[http://jeniri-amir.blogspot.com/2009\\_05\\_01\\_archive.html](http://jeniri-amir.blogspot.com/2009_05_01_archive.html) (Tarikh capaian: 4 Mac 2014, pukul 9.15pm)

<http://www.sharepdf.com/2014/1/11/03fad7ded59e4f1db8d985b11a5567dc/Bab%202.htm> (Tarikh capaian: 10 Mac 2014, pukul 12.30pm)

<http://khaifaiz.blogspot.com/2011/04/kepupusan-bahasa.html#axzz32gewMaeB>  
(Tarikh capaian: 23 April 2014, pukul 11.40am)

<http://www.share-pdf.com/cfe1ec62cd144149bd2d8c0fe8142d48/1433-2812-1-SM.htm> (Tarikh capaian: 29 April 2014, pukul 3.45pm)

Hudson, R.A. (1980). *Sociolinguistics*. Cambridge: Cambridge University Press.

Hunt A.W. (1952). *An Introduction To The Malayan Aborigines*. Kuala Lumpur: Government Printers.

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (2002). *Kehidupan, Budaya Dan Pantang Larang Orang Asli*. Kuala Lumpur: Penerbitan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2011). *Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli*. Kuala Lumpur. Penerbitan Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia.

Jasman Ahmad. (1997). *Masyarakat Orang Asli* (Siri Kebudayaan Masyarakat Malaysia). Melaka: Associated Education Distributor (M) Sdn. Bhd.

Jimin Idris dan Ramlee Abdullah. (1993). *Semaq Beri Komuniti Orang Asli Di Terengganu*. Kuala Terengganu: Pencetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.

John Edwards. (1992). *Sociopolitical Aspects Of Language Maintenance And Loss: Towards A Typology Of Minority Language Situations*. In W. Fase, K. Jaspaert and S. Kreon. (Eds.). Amsterdam: John Benjamin Publishing Company.

Juli Edo. (1998). *Claiming Our Ancestor's Land- An Ethnohistorical Study of Seng-Oi Land Rights in Perak Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Australian National University.

Kamaruddin Hussin. (1993). Pengkaedahan Mengajar Bahasa Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Lamsir Bin Asib. (2011). *Faktor Sosiolinguistik Dan Hubungannya Dengan Pemupusan Bahasa Bajau-Samah Di Daerah Kota Belud, Sabah*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.

Lenore A. Grenoble And Lindsay J.Whaley. (1998). *Endangered Languange*. Australia: University Press Cambridge.

Lewis, J.R. (Ed.). (1992). *Magical Religion And Modern Witchcraft*: State University Of New York Press.

Lim Chong Hin. (2007). *Penyelidikan Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif Dan Kualitatif*. Shah Alam: Mcgraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

- Lutfi Abas. (1972). *Linguistik Deskriptif Dan Nahu Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mat Jidin Ahmad. (1994). *Sastera Rakyat Dalam Masyarakat Orang Asli*. Latihan Ilmiah. Universiti Putra Malaysia.
- Media Sandra Kasih. (2000). *Sistem Sapaan Dalam Bahasa Minangkabau: Suatu Tinjauan Sosiolinguistik*. Tesis Doktor Falsafah: Universiti Putra Malaysia.
- Mithun, M. (1989). *The Incipient Obsolescence Of Polysynthesis Cayuga In Ontario And Oklahoma*. Dalam. Dorian, N.C. Investigating Obsolescence: Studies In Language Contraction and Death: 287-312. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mohd Ainuddin Iskandar Lee Abdullah. (2003). *Masyarakat Orang Asli Di Semenanjung Malaysia*. Dalam Zulhilmi Paidi dan Rohani Abdul Ghani. Bentong, Pahang: Pts Publications & Distributor Sdn Bhd.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2006). “Kelestarian Akar Melayu Glokal: Tinjauan Terhadap Bahasa Minoriti Orang Melayu Proto”, dalam Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu 2006: 2-23, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2007). *Keusangan Bahasa Orang Asli Melayu Proto: Kajian Sosiologi Bahasa Terhadap Dialek Duano Dan Kanaq Di Johor*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2008). *Latar Ringkas Tentang Orang Asli Semenanjung Dan Bahasa Mereka*. <http://melayuonline.com/ind/article/read/558/latar-ringkas-tentang-orang-aslisemenanjung-malaysia-dan-bahasa-mereka>(Tarikh capaian: 21 Februari 2014: pukul 10pm)
- Mohd Sharifudin Yusop. (2010). Catatan RD Favre (M DCCC LXV) - *Duluan Jurang Komunikasi Melayu-Orang Asli Dalam Penyelidikan Linguistik Bahasa Dan Budaya*. Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2011). *Daftar Kata Bahasa Melayu-Bahasa Orang Asli*. Siri 3. Jabatan Kemajuan Orang Asli. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Sharifudin Yusop (2013). *Keterancaman Bahasa Orang Asli Duano Dan Kanaq*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Shaffie Abu Bakar (1987). *Metodologi Penyelidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Monograf Bahasa, Sastera Dan Budaya Melayu*. (1999). Jabatan Bahasa Melayu Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Morrish Swadesh. (1950). *Salish Internal Relationships*. International Journal Of American Linguistics, 16,157-167
- Nancy C. Dorian. (1989). *Investigating Obsolescence*. Australia: Cambridge University Press.
- Nik Safiah Karim. (1981). *Beberapa Persoalan Sosiolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noraikha Binti Haji Mohd Isa. (1986). *Proses Pertanian Malaysia Masyarakat Jah Het: Kajian Kes Di Kg Sungai Kiul, Jerantut, Pahang*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norazila Alias. (1986). *Dialek Kuala Pilah. Satu Tinjauan Fonologi Dan Leksikal*. Jabatan Pengajian Melayu. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nor Hashimah. (2007). *Asas Fonetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hisham Osman. (1999). *Pemeliharaan Dan Penyisihan Bahasa: Kajian Kes Terhadap Komuniti Miroriti Rajang-Tanjong*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Nureeda Salaemae. (2000). *Pemilihan Bahasa Di Kalangan Wanita Melayu Patani: Satu Kajian Kes Di Narathiwat, Thailand*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Noriah dan Meriam Abd Karim. (2005). *Penggunaan Bahasa Melayu Kreol Chetti Melaka : Satu Analisis Domain*. Jurnal Bahasa. Jilid 5. Bil 1 Mac 2005. Halaman 1-50. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Lebar (2009). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori Dan Metod*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Peccei, Jean Stilwell. (1999). *Language And Age*. Dalam Linda Thomas dan Shan Warreing (Eds). *Language, Society And Power*. New York: Routledge.
- Raja Masittah Raja Arifin. (2007). *Status Penggunaan Bahasa Melayu Di Pulau Kokos, Australia*. Tesis Doktor Falsafah: Universiti Putra Malaysia.
- Sabitha Marican. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Sal Farina Kamaludin. (2003). *Tradisi Lisan Berbentuk Cerita Suku Kaum Jahut Di Kampung Panderas, Temerloh, Pahang*. Latihan Ilmiah Akademik Pengajian Melayu: Universiti Malaya.
- Temitope Abiodun Balogun. (2013). *An Endangered Nigerian Indigenous Language: The Case Of Yoruba Languange*. [http://nobleworld.biz/images/6-Balogun\\_s\\_Paper.pdf](http://nobleworld.biz/images/6-Balogun_s_Paper.pdf) (Tarikh capaian: 3 Mac 2014: pukul 8.15am)

- Sasse, Hans- Jurgen. (1992). *Language Decay and Contact-Induced Change. Similarities and Difference*. Dalam Brenzinger, Mc (Pnyt). *Language Death: Factural And Theoretical Explorations With Special Reference To East Africa*. Berlin and New York: Mouton De Gruyter.
- Saville-Troike, M. (1982). *The Ethnography Of Communication, An Introduction*. Terjemahan. Ajid Che Kob. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Schensul. (1999). *Introduction to Ethnographics Research*. Instituted For Community Research.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan, Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Skeat, W.W. Blagden, C.O. (1906). *Pagan Races of the Malay Peninsula*. Vol.I & II. London: Macmillan And Co.
- Sulaiman Masri (2005). *Kaedah Penyelidikan Dan Panduan Penulisan: Esei, Proposal & Tesis*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Suriyati Subahir. (2007). *Perbandingan Leksikal Bahasa Orang Asli Seletar Dan Bahasa Melayu*. Latihan Ilmiah. Jabatan Pengajian Melayu. University Malaya.
- Teo Kok Seng. (1993). *A Sociolinguistic Description Of The Peranakan Chinese Of Kelantan, Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. University Of California, Berkeley.
- Verhar. J.W. (1982). *Pengantar Linguistik Indonesia*. Indonesia: Gadja Mada Press.
- Wan Khairulhusna Bin Wan Mokhtar. (2011). *Kelestarian Bahasa Orang Asli Bateq Dan Mah Meri Berdasarkan Aspek Fonologi Dan Leksikal*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Zaharani Ahmad (1993). *Fonologi Generatif: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Bin Masleh. (2011). *Kajian Etnolinguistik Terhadap Kelestarian Bahasa Bhuket Dan Bahasa Lahanan Di Daerah Belaga, Sarawak*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia.
- Zaiton Binti Yazid. (1999). *Fonologi Dan Leksikal Bahasa Orang Asli Jahai: Satu Kajian Kes Di Perkampungan Pos Sg Rual Jeli Kelantan*. Projek Ilmiah. Akademik Pengajian Melayu. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zulkifley Ahmad (2007). *Konsep Bahasa*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.